

**Menteri Luar Indonesia Hadiri Sidang Luar Biasa NAM Di Ramallah
Bernama
4 Ogos, 2012**

JAKARTA, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Negeri Indonesia Marty Natalegawa malam ini berlepas ke Palestin bagi menghadiri Mesyuarat Luarbiasa Peringkat Menteri Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) mengenai Jawatankuasa Palestin yang dijadual di Ramallah pada Ahad.

Pengarah Penerangan dan Media Kementerian Luar Negeri Indonesia PLE Priatna berkata dalam mesyuarat itu, Indonesia akan mengulangi penegasan tentang pentingnya pengakuan terhadap negara Palestin.

Ia akan juga mengulangi penegasan tentang perlunya langkah lebih konkrit oleh NAM dalam usaha mencapai perdamaian dan keadilan di Palestin, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Priatna berkata di mesyuarat itu, Presiden Palestin Mahmoud Abbas dijangka membahaskan langkah selanjutnya hasil Mesyuarat Peringkat Menteri NAM mengenai Jawatankuasa Palestin yang lalu, di Sharm el Sheikh, Mesir, pada Mei 2011.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685686>